

RM500 juta kemudahan pembiayaan sebagai sokongan kepada kontraktor Bumiputera projek Lebuhraya Pan Borneo

KUCHING --- Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) hari ini mengadakan majlis pertukaran dokumen secara rasmi bersama empat institusi terkemuka dengan kerjasama TERAJU untuk menyediakan kemudahan jaminan dan kewangan bagi syarikat Bumiputera yang menjalankan pakej sub-kontrak bagi projek Lebuhraya Pan Borneo.

TERAJU bersama rakan kolaborasi, Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) dan Credit Guarantee Corporation (CGC) akan menyediakan jaminan kerajaan dan kredit untuk membantu sub-kontraktor Bumiputera bagi mendapatkan pembiayaan komersial daripada SME Bank dan RHB Islamic Bank.

Datuk Husni Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU berkata, "Program khas ini dapat meningkat serta mengukuhkan keupayaan sub-kontraktor Bumiputera untuk mereka menyertai projek pembangunan ini secara langsung, menerusi pakej pembiayaan yang lebih kompetitif dan kemudahan pinjaman dengan kadar cagaran yang minima untuk menggerakkan pelaksanaan projek yang telah diberikan."

Lebih kurang 50 sub-kontraktor di bawah projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak di jangka menerima manfaat daripada program rintis ini yang menawarkan kemudahan pembiayaan bagi modal kerja serta perolehan aset pada kadar yang kompetitif dengan Kadar Pembiayaan Asas (BFR) sehingga +1.25 peratus setahun.

Majlis pertukaran dokumen di antara TERAJU dan rakan-rakan kolaborasi adalah bersama SME Bank yang diwakili oleh COO Perbankan, Datuk Kamaluddin Ismail; RHB Islamic Bank Berhad diwakili oleh pengarah urusan dan CEO Datuk Adissadikin Ali; Credit Guarantee Corporation (CGC) diwakili oleh Presiden & CEO Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak; dan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) diwakili oleh pengarah urusan Dr Nungsari Ahmad Radhi.

Majlis turut disaksikan oleh Menteri Kerja Raya Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof, merangkap pengurus Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) Sarawak; bersama Menteri Muda Pembangunan Keusahawanan dan Industri Kecil Sederhana, dan Menteri Muda E-Dagang Datuk Haji Mohd Naroden bin Haji Majais.

"Program perintis ini akan memberi peluang kepada kontraktor Bumiputera tempatan untuk mengambil bahagian dalam pelbagai peringkat projek dari peringkat perundingan sehingga ke pembangunan vendor dan pembekal. Di kesempatan, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan kolaborasi kami, SJPP, CGC, RHB Islamic dan SME Bank kerana bersama-sama menjayakan inisitif ini dengan TERAJU," tambah Datuk Husni.

Lebuhraya Pan Borneo akan bertindak sebagai pengganda ekonomi untuk Sarawak dan Sabah dengan membuka akses ke lebih banyak kawasan dan menggalakkan mobiliti yang lebih pesat serta meningkatkan sektor ekonomi seperti pembinaan dan pelancongan.

Dengan adanya lebuh raya ini, ia dijangka membuka peluang serta mewujudkan pusat kegiatan ekonomi baharu di sepanjang lebuh raya ini, di mana lebih banyak syarikat dan golongan Bumiputera dapat berkembang maju.

Lebuh raya ini juga mampu meningkatkan integrasi perdagangan antarabangsa merentasi negara jiran seperti Brunei dan Kalimantan.

TERAJU turut berperanan dalam memastikan agar sub-kontraktor Bumiputera dibantu secara efisyen untuk memastikan projek lebuh raya ini berjaya disiapkan di samping meningkatkan peluang perdagangan di negeri Sarawak dan Sabah.

SIARAN MEDIA disediakan dan diedarkan bagi pihak **UNIT PENERAJU AGENDA BUMIPUTERA (TERAJU)** oleh firma perunding perhubungan awam **GRA COMMUNICATIONS SDN BHD**. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Ghazalie Abdullah** +6017 336 1090 atau **Yusuf Abd Alim** +6013 250 5504 atau **Abd Azim Shakron** +6019 385 1095.

MENGENAI TERAJU

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah ditubuhkan pada 8 Februari 2011 sebagai unit strategik di bawah Jabatan Perdana Menteri bertujuan menerajui, memacu dan menyelaras penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Bertindak sebagai 'Game Changer', TERAJU dipacu berdasarkan lima teras di bawah Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0 (BETR 2.0) – iaitu, memperkuatkan modal insan, menggalakkan pekerjaan dan pendapatan bernilai tinggi, meningkatkan saham Bumiputera dan nilai ekuiti korporat, memperkuatkan keusahawanan, serta meningkatkan pemilikan aset bukan kewangan.

Selain daripada sudut ekonomi, TERAJU juga berperanan dalam aspek kesejahteraan hidup seperti pendidikan, kesihatan, sosial dan budaya, hidup dalam persekitaran yang selesa dan dinamik, serta mengangkat martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi dengan penerapan aspek sosial melalui Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB).

Sehingga kini, TERAJU telah berjaya mencipta nilai sebanyak RM112 bilion untuk Bumiputera, mencipta lebih daripada 43,000 peluang pekerjaan, RM13.29 bilion pelaburan swasta Bumiputera dari Dana Mudahcara, serta mencatat sebanyak RM8.6 bilion modal pasaran daripada penyenaraian syarikat-syarikat Bumiputera di Bursa Malaysia.

Kerangka kejayaan TERAJU dibina menerusi kerjasama Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) di bawah 24 buah kementerian dan Jabatan Perdana Menteri. UPEB diselia oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang diketuai oleh Perdana Menteri Malaysia. Inisiatif-inisiatif pula dilaksanakan bersama-sama dengan agensi kerajaan di pelbagai peringkat, koridor-koridor ekonomi, GLC/GLIC dan sektor swasta.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.teraju.gov.my.